

AKAUN PERNIAGAAN FLEXI FD HONG LEONG**TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT**

1. Terma-terma dan syarat-syarat ini harus dibaca secara keseluruhan dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Umum Akaun-akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam, dan apa-apa terma dan syarat lain yang relevan yang akan dikenakan oleh Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan dua puluh satu (21) hari kalendar terdahulu, serta peraturan dan undang-undang lain yang mengikat HLB.
2. Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong (“Akaun Perniagaan Flexi FD”) adalah akaun simpanan tetap (“FD”) yang menawarkan tempoh dalam harian, bermula dari tiga puluh (30) hari hingga maksimum seribu (1,000) hari, dalam gandaan satu (1) hari dan juga membenarkan pengeluaran sebahagian FD sebelum tarikh matang.
3. Akaun Perniagaan Flexi FD hanya untuk syarikat-syarikat dan badan-badan pemerintah (masing-masing disebut sebagai “Pelanggan”).
4. Untuk mendaftar bagi Akaun Perniagaan Flexi FD, Pelanggan harus:
 - (a) meletakkan jumlah deposit minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) dalam satu resit (“FD Pertama”) ke dalam Akaun Perniagaan Flexi FD; dan
 - (b) memegang sama ada Akaun Semasa Hong Leong atau Akaun Semasa Asas Hong Leong (setiapnya disebut sebagai “Akaun Semasa”) yang mesti dihubungkan dengan Akaun Perniagaan Flexi FD (Akaun Semasa yang dihubungkan disebut sebagai “Akaun Semasa tersebut”).
 - i. Nama pemilik/penerima bagi kedua-dua Akaun Perniagaan Flexi FD dan Akaun Semasa tersebut mestilah sama
 - ii. Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Semasa kepunyaan syarikat induk Pelanggan, subsidiari Pelanggan, dan/atau syarikat berkaitan dengan Pelanggan tidak boleh dihubungkan dengan Akaun Perniagaan Flexi FD untuk tujuan ini.
 - iii. Dalam keadaan di mana Pelanggan memegang lebih daripada satu (1) Akaun Semasa, hanya satu (1) Akaun Semasa yang boleh dipilih untuk dihubungkan dengan Akaun Perniagaan Flexi FD.
 - iv. Pelanggan tidak akan menutup Akaun Semasa tersebut sekiranya masih terdapat baki-baki di dalam Akaun Perniagaan Flexi FD.
5. Untuk penempatan deposit Akaun Perniagaan Flexi FD berikutnya (selepas FD Pertama), jumlah penempatan minimum yang diperlukan adalah Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) untuk setiap resit FD.
6. Ciri-ciri utama Akaun Perniagaan Flexi FD adalah seperti yang dinyatakan di bawah dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini:
 - A. Penempatan harian**
 - a) Tempoh gandaan dalam satu hari, tertakluk kepada Fasal-fasal (b) dan (c) di bawah.
 - b) Minimum tempoh tiga puluh (30) hari kalendar.
 - c) Maksimum tempoh satu ribu (1,000) hari kalendar.
 - d) Dalam keadaan di mana tarikh matang jatuh pada bukan Hari Niaga, tarikh matang akan dianggap jatuh pada tarikh Hari Niaga seterusnya.
 - e) Faedah akan dikira sehingga tarikh matang.

B. Pengeluaran sebahagian pramatang

- a) Setiap jumlah pengeluaran harus dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000), tertakluk kepada jumlah minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) untuk setiap pengeluaran.
- b) Tiada had bilangan untuk membolehkan Pelanggan membuat pengeluaran sebahagian pramatang (“PPM”) tetapi suatu minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) untuk setiap resit FD mesti dikekalkan sehingga tarikh matang resit FD, jika tidak ia akan dianggap sebagai pengeluaran penuh.
- c) Tertakluk kepada Fasal 4(B)(b) di atas, baki yang masih tertinggal di dalam resit FD akan berterus untuk mendapatkan faedah berdasarkan pada perjanjian kadar faedah sehingga tarikh matang.

C. Bayaran faedah pengeluaran pramatang

Tiada faedah akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian pramatang dan pengeluaran penuh pramatang yang berkenaan Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong berkuatkuasa dari 1 Januari 2019 tanpa mengambil kira jumlah bilangan hari yang telah dilengkapkan pada masa pengeluaran pramatang.

D. Pembayaran Faedah

- a) Untuk tempoh penempatan sehingga tiga ratus enam puluh lima (365) hari, faedah akan dibayar setelah matang
- b) Berkuatkuasa pada 12 Jun 2021 (“**Tarikh Berkuatkuasa**”), tiada lagi pengkreditan faedah secara interim iaitu setiap bulan (“**Peraturan Baharu**”).
 - i. Untuk semua Perniagaan Flexi FD yang baharu, faedah akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa Pelanggan hanya pada tarikh matang Perniagaan Flexi FD tersebut.
 - ii. Untuk Perniagaan Flexi FD yang dibuka sebelum Tarikh Berkuatkuasa, faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa Pelanggan pada setiap tiga puluh (30) hari sehingga akhir tempoh Perniagaan Flexi FD tersebut.** Sekiranya Perniagaan Flexi FD diperbaharui, sama ada secara manual atau secara automatik pada tarikh matang, Peraturan Baharu akan terpakai.

(**Bagi kes tersebut, jika terdapat pengeluaran sebahagian pramatang atau pengeluaran penuh pramatang, faedah yang telah dibayar setakat itu akan ditolak daripada prinsipal Perniagaan Flexi FD sebelum baki dibayar kepada Pelanggan. Pelanggan mempunyai pilihan untuk memohon secara bertulis untuk faedah yang perlu dibayar hanya selepas matang dengan syarat bahawa permohonan tersebut dibuat semasa penempatan Perniagaan Flexi FD)

Ilustrasi:

Perniagaan Flexi FD yang diletakkan sebelum Tarikh Berkuatkuasa untuk tempoh tiga ratus enam puluh enam (366) hari, matang pada 31 Ogos 2021, akan menikmati pengkreditan faedah pada setiap tiga puluh (30) hari. Setelah matang, Perniagaan Flexi FD tersebut akan diperbaharui selama tiga ratus enam puluh enam (366) hari. Faedah diperolehi dari Perniagaan Flexi FD yang diperbaharui ini hanya akan dibayar pada akhir tempoh tiga ratus enam puluh enam (366) hari.

E. Pindahan ke Akaun Semasa Tersebut

Pelanggan bersetuju bahawa berkenaan sebarang pengeluaran sebahagian pramatang atau pengeluaran pramatang penuh, jumlah pengeluaran akan dipindahkan ke dalam Akaun Semasa tersebut. Butir-butir transaksi pengeluaran sebahagian pramatang atau pengeluaran pramatang penuh tidak akan dikemaskini pada resit Akaun Perniagaan Flexi FD dan hanya akan direkodkan dalam penyata bulanan Akaun Semasa tersebut..

7. Apabila melakukan sebarang pengeluaran, adalah menjadi kewajipan kepada Pelanggan untuk menyediakan suatu surat arahan asal untuk pengeluaran yang ditandatangani oleh pihak yang

dibenarkan untuk menandatangani dan selaras dengan mandat pengendalian Akaun Perniagaan Flexi FD Pelanggan yang diberikan kepada Hong Leong Bank Berhad (“HLB”), dan resit (resit-resit) FD asal Akaun Perniagaan Flexi FD . Untuk pengeluaran sebahagian pramatang, baki yang masih tertinggal dalam resit FD akan dikemaskini pada resit FD yang sama atau HLB boleh mengeluarkan resit FD yang baru, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh HLB, yang mana akan ditentukan sendiri oleh HLB.

8. Maklumat / dokumen berikut akan dipaparkan di laman sesawang HLB (www.hlb.com.my) atau boleh disediakan oleh mana-mana cawangan di atas permintaan:
 - a) kadar-kadar Akaun Perniagaan Flexi FD;
 - b) fi-fi dan caj-caj untuk Akaun Perniagaan Flexi FD, iaitu adalah sama dengan fi-fi dan caj-caj Akaun Deposit Tetap Hong Leong; dan
 - c) Terma-terma dan Syarat-syarat Umum Akaun-akaun untuk Deposits dan Deposit Perbankan Islam

9. HLB berhak pada bila-bila masa dengan memberikan pemberitahuan dua puluh satu (21) hari kalendar terdahulu untuk menambah, menghapus, menanggungkan atau mengubah mana-mana atau semua terma-terma dan syarat-syarat ini dengan cara pengeposan di Laman Web dan/atau di mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh HLB. Pelanggan bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB secara berkala untuk melihat terma dan syarat dan terus mengikuti perubahan pada terma-terma dan syarat-syarat ini.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.